

Amanat akhir Abdul Khalid

Sinar 23/9/14 MS 4

■ JANATUL FIRDAUS YAACOB

SHAH ALAM - Biarlah ahli politik berperang, berdrاما dan berlakon kerana kelak lakonan mereka itu akan menjadi lawak jenaka yang akan dikenang.

Itu adalah amanat terakhir Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim kepada penjawat awam dan rakyat agar tidak melayani sikap ahli politik yang gemar berlakon.

"Kita buatlah kerja seperti biasa demi kesejahteraan rakyat. Saya cuma mengharapkan semua selamat dan bersama menghadapi keadaan di Selangor.

"Ingatan saya pertahankanlah negeri ini demi rakyat," katanya ketika ucapan perpisahan di foyer Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) yang dihadiri lebih 1,000 penjawat awam di sini, semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri berjaya menyelesaikan hampir keseluruhan penstrukturan industri air dengan memulangkan aset itu kepada rakyat bernilai RM14 bilion.



FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Abdul Khalid bersalaman dengan orang ramai di pekarangan bangunan SUK, semalam.

"Inilah cabaran buat pemimpin akan datang, sekiranya beliau tidak melaksanakan amanah ini pastinya rakyat akan menghukumnya kerana ia terkandung dalam manifesto PRU13," katanya.

Adun Pelabuhan Klang itu berkata, beliau terima ucap-

an terima kasih, namun menolak salam perpisahan kerana beliau masih menetap di Selangor lagi.

"Ini bukanlah masanya untuk ucap selamat tinggal dan bukan juga untuk kenang mengenang. Bukan maaf, bukan sedih yang harus ditangiskan

sebaliknya apa yang perlukan lakukan ialah menjaga kebajikan setiap keluarga di Selangor, itulah amanah kita.

"Saya sangat bertuah kerana telah diberi kepercayaan untuk jalankan tugas sepanjang lima tahun ini untuk jalankan tugas dengan telus

dan bertanggungjawab. Kalau salah kita betulkan, kekalkan status Selangor sebagai negeri termaju," katanya.

Dengan nada gembira, Abdul Khalid memaklumkan beliau akan bercuti ke Australia kerana ramai kawan beliau menanti kedatangannya di sana.

Sebelum ini, Abdul Khalid pernah bercita-cita untuk meninggalkan satu legasi sebelum beliau bersara daripada kerusi menteri besar.

Beliau berharap perjanjian penstrukturan semula air Kerajaan Selangor dengan Kerajaan Persekutuan akan menjadi satu legasi beliau dan jika itu tercapai beliau menganggap dirinya sebagai telah berjaya dalam kerjayanya.

Dalam minggu terakhir beliau, Abdul Khalid pernah menggunakan puisi Rudyard Kipling untuk secara halus menunjukkan bahawa beliau masih percaya kepada dirinya sendiri, walaupun orang lain tidak mempercayainya, untuk kekal berprinsip dalam berdepan dengan kesukaran dan kritikan.

Menteri Besar Selangor ke-14

Dun: N46 - Pelabuhan Klang
Parlimen: P124 - Bandar Tun Razak
Tarikh lahir: 14 Disember 1946
Umur: 68

Latar belakang keluarga

Berkahwin dengan Puan Sri Salbiah Tunut dan dikurniakan empat orang anak, satu lelaki dan tiga perempuan.

Sisi berbeza

Salah seorang daripada anak perempuannya merupakan pakar bedah kucing yang mempunyai klinik khusus untuk haiwan itu di Brisbane, Australia. Abdul Khalid takut kepada kucing walaupun keluarganya memelihara 20 ekor haiwan itu.

Pendidikan

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Jeram pada 1956 dan menduduki Special Malay Class. Seterusnya belajar di Sekolah Inggeris Kampung Kuantan. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam jurusan Ekonomi dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Queensland, Australia pada 1975.

Pengalaman profesional

Pernah bekerja sebagai guru, penyarah universiti, pegawai kredit, pegawai kewangan korporat dan memegang pelbagai jawatan tinggi dalam Permodalan Nasional Berhad (PNB). Kemudian, beliau melangkah ke arena korporat dan berada dalam kedudukan

CEO dari 1979-1994 di bawah firma syarikat kewangan yang diselia kerajaan, Permodalan Nasional Berhad (PNB). Pada 1981, beliau menjadi terkenal setelah menyelesaikan *dawn raid* di London Stock Exchange, yang mana PNB mencatat agihan 51 peratus syer di syarikat perindustrian British iaitu Guthrie kurang daripada dua jam. Abdul Khalid kemudian menjadi CEO Malaysianized Guthrie, yang kini dikenali sebagai Kumpulan Guthrie Bhd, dari 1995 hingga 2003. Sewaktu berkhidmat di Guthrie 1999-2000 beliau berjaya mengambil alih ladang di Indonesia.

Pembaharuan dibawa Abdul Khalid di Selangor:

1. Selangor merupakan negeri pertama meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat. Ini bukti komitmen Kerajaan PR Selangor terhadap ketelusan yang tidak boleh ditiru Umno.
2. Akan meneruskan program Skim Mesra Usia Emas, memberi wang hadiah hari jadi bernilai RM100 pada hari lahir yang ke-60.
3. Akan memastikan agar semua bangunan kerajaan menyediakan kemudahan nurseri dan tadika dalam tempoh 5 tahun.
4. Sebanyak 5 peratus daripada rizab negeri akan digunakan untuk membiayai program-program meningkatkan kelayakan akademik dan menambah baik kemahiran rakyat
5. Dalam tempoh 5 tahun, rizab negeri meningkat lebih dua kali ganda ke RM2.62 bilion.

- 15 Disember 1998: Abdul Khalid terima Anugerah Terbaik Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia 1997 dari majalah *Business Times* anjuran Business Times Sdn Bhd.
- 2001: Menerima Anugerah International Alumnus dari Universiti Queensland 2001.
- 10 Julai 2003: Terima anugerah AAAB Captain of Industry Award 2002 (First Asian Academy of Applied Business) dari Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- 2003: Abdul Khalid menyelesaikan masalah pembinaan Lebuhraya Guthrie dari Kuala Selangor ke Sungai Buloh bersambung dengan Lebuhraya Utara Selatan semasa menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Guthrie.
- 12 April 2008: Abdul Khalid menghapuskan tender rundingan terus kepada kontraktor Bumiputera kerana 98 peratus diperolehi dan dilaksanakan oleh kumpulan tertentu ketika BN/Umno memerintah Selangor.
- 29 September 2012 : Meningkatkan ekonomi Selangor menerusi pelaburan asing iaitu sejumlah RM36 bilion dalam tempoh 2008 hingga 2012.
- 1 Ogos 2014: Menyelesaikan penstrukturan Semula Industri Air dan Projek Langat 2.

